



كمنترین سومبر-سومبر اوتام دان فلنچوغن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

PELAN STRATEGIK 2023-2028



1. PENGENALAN

Halatuju Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini dilakar berasaskan kepada:

- i. **Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad'daulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**, khususnya Titah bersempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016, dan juga lain-lain Titah Baginda yang berkaitan dengan sektor sumber-sumber utama dan pelancongan serta jaminan sekuriti makanan;
- ii. **Pertumbuhan Ekonomi** Negara Brunei Darussalam yang perlu dipercepatkan; dan
- iii. **Wawasan Brunei 2035** yang perlu direalisasikan iaitu melalui usaha ke arah mendukung **peta jalan *priority industries*** di bawah ***Economic Blueprint***, khususnya ***Food Industry & Tourism Industry Roadmaps***.



[i] PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



TITAH KDYMM SEMPENA MENYAMBUT AWAL TAHUN BARU MASEHI 2016

“Disini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, **yang memerlukan negara menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar industri minyak dan gas.**

Diantara yang di luar industri minyak dan gas itu, ialah seperti **industri pertanian atau perikanan**, industri pembuatan, industri perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa **pasaran dalam negara kecil, bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran**, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka keluar negara sebagai **eksport**.

Beta sebelum ini pernah menekankan, bahawa **peningkatan pertumbuhan ekonomi boleh dicapai** dengan memberi keutamaan kepada **peningkatan produktiviti**, melalui penyelidikan dan **penggunaan teknologi terkini**.

Ini turut diyakini mampu untuk membantu mengurangkan unit kos pengeluaran, disamping juga akan membolehkan kita menembusi pasaran antarabangsa dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kita. **Dengan berlakunya ini, bererti, keluaran dan eksport kita adalah tumbuh, yang dengan sendirinya, akan meletakkan ekonomi kita juga berada di tahap berkembang dan tumbuh”.** 3

[i] PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



TITAH KDYMM SEMPENA HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-72 TAHUN (2018)

“Salah satu langkah ke arah pertumbuhan ekonomi, ialah dengan meneroka sektor pertanian. Sektor pertanian sangat penting untuk kehidupan. Pertanian memainkan peranan utama dalam pembinaan tamadun. **Bagi Negara yang menerima hujan dan tanah-tanah masih belum diteroka, maka tidaklah praktikal untuk terus mengimport bahan asas makanan tanpa berusaha sendiri memenuhi keperluan.**”

TITAH KDYMM SEMPENA MENYAMBUT AWAL TAHUN BARU MASEHI 2020

“ Dalam usaha kita meningkatkan ekonomi, khususnya di bidang *food security*, Kerajaan Beta melalui usahasama dengan Darussalam Asset dan Kementerian berkenaan telah mula menanam padi varieti Sembada secara komersial yang melibatkan keluasan 500 hektar di Daerah Belait. Beta berharap, ini akan diikuti juga oleh **penanaman buah-buahan bagi menampung keperluan sendiri sekurang-kurangnya, dan dalam jangka panjang boleh dijadikan *export commodity* bagi Negara Brunei Darussalam.**”

TITAH KDYMM SEMPENA HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-74 TAHUN (2020)


“Menyentuh pula bidang sumber-sumber utama, Alhamdulillah, **Kerajaan Beta, melalui agensi berkenaan, akan terus berusaha ke arah memastikan bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan terjamin.** Maka untuk itu, Beta **berharap pengusaha, petani, peladang dan nelayan akan mengambil peluang meningkatkan produktiviti masing-masing** sebagai langkah **mencukupkan keperluan dan keselamatan makanan.**”

TITAH KDYMM SEMPENA HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-38 (2022)


“Turut amat ketara juga ialah, terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong. Dengan terbinanya Jambatan ini, banyaklah manfa'at dapat diraih. Selain untuk kemudahan perhubungan, ia juga mengilhami kita untuk segera bergerak ke hadapan menjana kemajuan. Diantaranya sekarang, Negara telah menubuhkan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) untuk merancang pelbagai perancangan, termasuk **memajukan bidang pertanian** serta juga **menjadikan Daerah ini sebagai destinasi eko pelancongan.**”

[ii] PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DICEPATKAN

Pertumbuhan Ekonomi Perlahan (2001-2023) – Harga Tetap




Keluaran Dalam Negara Kasar Yang Lemah (2001-2023) – Harga Semasa



[ii] PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DICEPATKAN

PERTUMBUHAN KDNK NBD RENDAH BERBANDING 'ASEAN-5' DAN 'DUNIA'




	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
◆ Negara Brunei Darussalam	0.2	(1.9)	(1.8)	2.6	3.7	0.9	(2.1)	(2.3)	(0.4)	(2.5)	1.3	0.1	3.9	1.2	(1.6)	(1.6)	1.4
■ ASEAN-5	6.4	5.1	2.0	7.6	4.8	6.2	5.0	4.5	4.6	4.8	5.2	5.0	4.3	(4.4)	4.0	5.5	4.9
▲ Dunia	5.6	3.1	(0.1)	5.4	4.3	3.5	3.4	3.5	3.4	3.3	3.8	3.6	2.8	(2.8)	6.3	3.4	2.7


[ii] PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG PERLU DICEPATKAN

MEMPERLUASKAN DAN MEMPELBAGAIKAN ASAS EKONOMI BAGI MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA SEKTOR MINYAK DAN GAS SERTA MENINGKATKAN KELUARAN INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN BAGI MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN KDNK

- ❑ Ekonomi NBD adalah sekitar BND 20 bilion pada harga semasa bagi tahun 2023, berbanding BND 23 billion bagi tahun 2022.
- ❑ Dengan penduduk kira-kira 440,715 orang, KDNK per kapita pada tahun 2023 adalah BND 45,102 berbanding BND 51,646 bagi tahun 2022.
- ❑ Pada harga semasa, sektor minyak dan gas menyumbang 47.4% daripada KDNK pada tahun 2023, berbanding 52.7% bagi tahun 2022.




Sektor Sumber-Sumber Utama (Pertanian, Perikanan & Perhutanan) menyumbang BND \$242.8 juta (1.2%) dan Sektor Pelancongan (Hotel dan Restoran) menyumbang BND261.9 juta (1.3%) kepada KDNK Bagi Tahun 2023



[iii] WAWASAN BRUNEI 2035 YANG PERLU DIREALISASIKAN

WAWASAN BRUNEI 2035

MATLAMAT 3: EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN





2. VISI DAN MISI

VISI

Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang Menyumbang Secara Signifikan Kepada Pertumbuhan dan Kepelbagaian Ekonomi, Eksport dan menjamin Sekuriti Makanan bagi Mendukung Wawasan Brunei 2035

MISI

1. Menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan keluaran **industri pertanian dan perikanan** termasuk **industri pemprosesan hiliran dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan**, melalui penglibatan **pelaburan dari dalam dan luar negara (FDI)**; dengan penekanan kepada penggunaan **teknologi tinggi dan teknik moden**, bagi memenuhi **permintaan domestik** dan **pasaran eksport**, serta jaminan **sekuriti makanan**.
2. Mengekalkan **kelestarian alam sekitar dan hutan** selaras dengan **pembangunan yang mampan** dan seterusnya menyumbang ke arah **perkembangan ekonomi dan pendapatan Negara**.
3. Meningkatkan **jumlah ketibaan pelancong** dengan **mempelbagaikan serta mengukuhkan produk-produk pelancongan** berteraskan kebudayaan, *adventure* dan alam semulajadi; dan melalui **peningkatan kualiti perkhidmatan pelancongan**.



3. TERAS STRATEGIK






4. FOKUS UTAMA

PERLAKSANAAN STRATEGI DAN INISIATIF KEMENTERIAN SECARA AMNYA MEMFOKUSKAN KEPADA USAHA-USAHA KE ARAH MENDOKONG...

1. PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN



2. PEMBANGUNAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER HUTAN



3. PEMAJUAN INDUSTRI PELANCONGAN




4. FOKUS UTAMA

1

MENDOKONG PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN

MENDOKONG PETA JALAN INDUSTRI MAKANAN SEBAGAI PANDUAN STRATEGIK KE ARAH MEMACU PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN

- ❑ **KELUARAN PRIMER (*PRIMARY PRODUCTION*)**
 - ❑ PERTANIAN (TERNAKAN & TANAMAN) DAN
 - ❑ PERIKANAN (PENANGKAPAN IKAN & AKUAKULTUR)
- ❑ **PEMROSESAN & NILAI TAMBAH (*PROCESSING & VALUE-ADDING*)**
 - ❑ AGRIMAKANAN
 - ❑ PEMROSESAN IKAN





4. FOKUS UTAMA

2

MENDOKONG PEMBANGUNAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER HUTAN



MENINGKATKAN
KAPASITI HUTAN SEBAGAI
CARBON SINK DALAM
MENANGANI PERUBAHAN
IKLIM

MELINDUNGI DAN
MEMULIHARA HUTAN DAN
KEPELBAGAIAN-BIO
(FLORA & FAUNA) BAGI
**MENGEKALKAN
KELESTARIAN SUMBER
HUTAN NEGARA**

MENINGKATKAN
SUMBANGAN KEPADA
KUTIPAN HASIL MELALUI
CARBON TRADING

MENINGKATKAN
KELUARAN **INDUSTRI
PERHUTANAN**
[PEMROSESAN HILIRAN
& NILAI TAMBAH]



4. FOKUS UTAMA


3 MENDOKONG PEMAJUAN INDUSTRI PELANCONGAN



PETA JALAN INDUSTRI PELANCONGAN (TOURISM INDUSTRY ROADMAP)

VISI
Sebuah Oasis Ketenangan dan Keamanan di Asia Tenggara
An Oasis of Peace and Tranquility in South East Asia

MISI
Untuk memberikan pengalaman berkualiti kepada para pelancong bagi menikmati aktiviti-aktiviti semula jadi yang murni, kepelbagaian budaya dan pengembaraan di negara ini.
To provide quality experiences for travellers to immerse in the country's pristine nature, rich culture and adventure activities





5. NILAI-NILAI UTAMA

1 PROGRESIF

Memacu pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama secara signifikan dan berterusan bagi meningkatkan tahap sara diri serta jaminan sekuriti makanan, sehingga dapat menembusi pasaran eksport melalui peningkatan produktiviti

2 OBJEKTIF

Mempunyai sasaran yang jelas, realistik dan jangkamasa pelaksanaan yang segera

3 CEKAP & MAHIR

Sebarang cadangan adalah berasaskan fakta yang betul dan analisa yang kukuh dengan penggunaan I.T yang meluas

4 PEMIKIRAN STRATEGIK

Berfikir secara strategik dan bijak (*thinking outside the box*) untuk mendokong usaha meningkatkan keluaran yang berdayatahan dan bagi menangani sebarang masalah yang dihadapi

5 ADIL & TELUS

Mengutamakan pengusaha yang progresif, produktif dan mempunyai kesungguhan untuk memajukan perusahaan melalui kaedah penilaian yang sistematik dan telus

6 PEMEDULIAN

Memeduli keperluan dan kehendak pengusaha-pengusaha termasuk pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar secara berterusan



6. MATLAMAT STRATEGIK

- 1 Meningkatkan keluaran dan sumbangan industri pertanian, perikanan dan perhutanan kepada pertumbuhan KDNK dan sekuriti makanan.
- 2 Meningkatkan jumlah keluaran dan nilai eksport dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan, termasuk industri pemprosesan agrimakanan.
- 3 Meningkatkan produktiviti industri pertanian, perikanan, perhutanan, serta pemprosesan agrimakanan melalui penggunaan teknologi dan teknik moden secara meluas.
- 4 Mengurangkan pergantungan ke atas import barang makanan tetapi bersikap terbuka kepada import bahan input bagi industri pemprosesan.
- 5 Meningkatkan pendapatan negara melalui pertukaran mata wang asing yang dijana daripada aktiviti eksport dan industri pelancongan.
- 6 Meningkatkan jumlah ketibaan pelancong dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam, bagi meningkatkan sumbangan industri pelancongan kepada pertumbuhan KDNK.
- 7 Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
- 8 Mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti *Public-Private Partnership (PPP)* dan lain-lain, termasuk meneroka peluang bagi meningkatkan hasil kerajaan melalui inisiatif *Carbon Trading*.


7. SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA



7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.1 (A) KELUARAN KASAR SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA (2016 – 2023)

RAJAH 1: NILAI KELUARAN KASAR BAGI SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA (PERTANIAN, PERIKANAN DAN PERHUTANAN) BAGI TEMPOH 2016-2023 SECARA KESELURUHANNYA TUMBUH PADA KADAR 4.5% SETAHUN IAITU DARI \$561.78 JUTA (2016) KEPADA \$762.05 JUTA (2023)






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.1 (B) KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN (2016-2023)

RAJAH 2: NILAI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN & AGRIMAKANAN BAGI TEMPOH 2016-2023 TUMBUH PADA KADAR 4.1% SETAHUN IAITU DARI \$420.08 JUTA (2016) KEPADA \$554.51 JUTA (2023)






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.1 (C) KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN (2016-2023)

RAJAH 3: NILAI KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN BAGI TEMPOH 2016-2023 MENINGKAT PADA KADAR 8.3% SETAHUN IAITU DARI \$95.33 JUTA (2016) KEPADA \$166.57 JUTA (2023)






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.1 (D) KELUARAN KASAR INDUSTRI PERHUTANAN (2016-2023)

RAJAH 4: KELUARAN KASAR INDUSTRI PERHUTANAN BAGI TEMPOH 2016-2023 MENURUN PADA KADAR **-1.8% SETAHUN** IAITU DARI **\$46.37 JUTA (2016)** KEPADA **\$40.97 JUTA (2023)**






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.1 (E) KELUARAN KASAR INDUSTRI PADI (2016-2023)

RAJAH 5: KELUARAN INDUSTRI PADI BAGI TEMPOH 2016-2023 MENINGKAT PADA KADAR 6.3% SETAHUN




Nota: Tuaian padi biasanya dilakukan sebanyak 3 kali setahun pada tahun 2015 tetapi semenjak padi diserang penyakit pada tahun 2016, tuaian padi dikurangkan menjadi 2 kali setahun.



7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.2 (B) SARA DIRI INDUSTRI SAYUR (2016-2023)

RAJAH 6: KELUARAN BAGI INDUSTRI SAYUR JENIS TROPIKA
PADA TAHUN 2023 MENCAPAI SEKITAR **72.7%** SARA DIRI






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.2 (C) SARA DIRI INDUSTRI BUAH JENIS TROPIKA (2016-2023)

**RAJAH 7: KELUARAN BAGI INDUSTRI BUAH JENIS TROPIKA
PADA TAHUN 2023 MENCAPAI SEKITAR 37.5% SARA DIRI**






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.2 (D) SARA DIRI INDUSTRI PADI (BERAS) (2016-2023)

**RAJAH 8: KELUARAN INDUSTRI PADI (BERAS) SECARA PURATA
MENCAPAI SEKITAR 8.1% SARA DIRI**




* Data beras import adalah berdasarkan jumlah beras import yang terjual (saleable)



7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.2 (E) SARA DIRI SEKTOR PERIKANAN (2016-2023)

RAJAH 9: KELUARAN SEKTOR PERIKANAN (PENANGKAPAN IKAN DAN AKUAKULTUR) SECARA PURATA MENCAPAI SEKITAR 71% SARA DIRI




	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Penangkapan Ikan (MT)*	11,979.97	11,766.61	12,208.31	12,568.27	11,887.97	14,417.41	15,550.55	16,866.06
Akuakultur (MT)	948.80	1,632.20	1,248.30	973.99	3,501.38	4,771.72	5,018.43	1,690.55
Import (MT)	2,943.96	4,220.63	5,469.07	5,565.78	7,142.51	7,948.71	10,400.97	11,268.73
Export (MT)	307.88	1,209.03	1,763.55	2,455.03	3,419.26	5,549.59	6,623.52	3,582.40
Sara Diri (%)	83	82	78	81	81	89	84	71

* Bagi pengiraan sara diri, hanya 40% sahaja dari hasil keseluruhan tangkapan kapal tunda yang diambil kira dan dimasukkan dalam perkiraan jumlah keseluruhan hasil bagi aktiviti "Penangkapan Ikan".


7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.3 EKSPORT (2023)


RAJAH 10: NILAI EKSPORT BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA SECARA KESELURUHANNYA MENINGKAT PADA KADAR 25.2% SETAHUN, IAITU DARI \$5.33 JUTA (2016) KEPADA \$25.71 JUTA (2023)




EKSPORT INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN (2023)



EKSPORT INDUSTRI PERIKANAN (2023)



EKSPORT INDUSTRI PERHUTANAN BAGI TAHUN 2023






7.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

7.1.4 JUMLAH PEKERJAAN DALAM INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA (2016-2023)

RAJAH 11: JUMLAH TENAGA KERJA BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER BAGI TEMPOH 2016-2022 MENINGKAT PADA KADAR 10.1% SETAHUN



	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Pertanian & Agrimakanan	6,793	7,685	8,293	7,921	8,184	8,472	9,367	8,710
Perikanan	2,987	3,065	3,235	2,990	3,059	3,105	8,261	2,729
Perhutanan	639	589	765	566	667	679	945	1,012
Jumlah	10,419	11,339	12,293	11,477	11,910	12,256	18,573	12,451

JUMLAH TENAGA KERJA TAHUN 2023

Pertanian:

- Pekerja Tempatan 43% (3,718 orang)
- Pekerja Asing 57% (4,992 orang)

Perikanan:

- Pekerja Tempatan 89% (1,940 orang)
- Pekerja Asing 11% (789 orang)

Perhutanan:

- Pekerja Tempatan 22% (221 orang)
- Pekerja Asing 78% (791 orang)



7.2 ISU DAN CABARAN





7.2 ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN



TEKNOLOGI YANG TERHAD

Penggunaan teknologi memerlukan kos pelaburan yang tinggi dan ini menyebabkan penggunaan teknologi dikalangan para pengusaha adalah terhad.



PENGUSAHA TIDAK BERSEMANGAT DAN MEMPUNYAI KESUNGGUHAN UNTUK BERKEMBANG

Segelintir pengusaha yang sedia ada tidak cenderung dan bersemangat untuk berkembang bagi memajukan perusahaan, mudah berpuas hati dengan pencapaian yang sedia ada dan tidak ada perancangan untuk menasaskan kepada pasaran eksport, yang menyebabkan keluaran dan produktiviti syarikat rendah dan perlahan.



ISU TANAH, PENYAKIT DAN SERANGGA PEROSAK

Faktor-faktor seperti tanah masam (*acidic soil*), serangan penyakit dan juga serangga perosak adalah antara masalah yang sering dihadapi oleh peladang-peladang yang menjejaskan produktiviti serta keluaran hasil ladang.



ISU BIOSEKURITI

Fasiliti dan prosedur yang komprehensif bagi memastikan pengusaha berkemampuan untuk mematuhi piawaian-piawaian serta syarat-syarat kawalan biosekuriti, masih lagi terhad, yang menyukarkan pengusaha untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi membolehkan produk yang dihasilkan dapat bersaing di pasaran antarabangsa, termasuk bagi memastikan bahan input serta bahan makanan yang diimport adalah selamat.



7.2 ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN



JURANG TENAGA KERJA DAN PENGETAHUAN

Kesukaran dalam menarik dan mengekalkan tenaga kerja belia tempatan dan mahir menyebabkan adanya jurang dari aspek tenaga kerja dan pengetahuan, sebagai contoh, antara jurang yang dikenalpasti dari aspek *professional* dan kemahiran teknikal dalam industri pertanian dan perikanan adalah seperti kekurangan pakar tempatan yang mempunyai kepakaran sebagai doktor haiwan, pakar hortikultur, jurutera akuakultur, pakar pembiak baka tumbuhan dan sebagainya.



KESUKARAN MENEMBUSI PASARAN EKSPORT

Pengusaha tempatan menghadapi kesukaran untuk menembusi pasaran eksport disebabkan oleh keupayaan pengusaha yang terhad dari aspek pemasaran dan pengeluaran hasil ladang. Disamping itu, keperluan untuk mematuhi peraturan dan piawaian dari sesetengah negara pengimport adalah sukar dan mengambil masa untuk dipenuhi.



7.3 INISIATIF STRATEGIK

INISIATIF STRATEGIK




MENINGKATKAN KELUARAN INDUSTRI MAKANAN

Meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti primer (*primary activities*) dan pemprosesan (*processing activities*) dengan menawarkan tapak-tapak pertanian dan perikanan melalui program-program yang sedia ada seperti Projek Rintis (*Pilot Project*), Tambahan Kawasan (*Expansion*), Perladangan Berkontrak (*Contract Farming*) dan mengenalpasti program-program baru; menekankan penggunaan teknologi dan teknik perladangan moden bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos, serta memastikan pengusaha menggunakan sepenuhnya tapak perusahaan yang ditawarkan.



MENGGALAKKAN AKTIVITI NILAI TAMBAH TINGGI TERMASUK R&D

Menarik penglibatan *GLCs* dan *FDIs* dalam aktiviti-aktiviti nilai tambah tinggi (*high value added*) dan pembangunan & penyelidikan (R&D) dalam penghasilan makanan ternakan, baja, biji benih, telur berbenih, penghasilan varieti baru dan lain-lain, bagi mengurangkan kos bahan input, memastikan peningkatan hasil yang tinggi, mengukuhkan persaingan dan akses kepada pasaran global, termasuk akses kepada teknologi dan modal.



MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR INDUSTRI YANG KONDUSIF

Menyediakan dan meningkatkan infrastruktur asas yang lengkap untuk mendokong pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian dan perikanan moden, bukan sahaja kemudahan jalanraya, bekalan elektrik dan air, dan sistem pengairan, tetapi termasuk penyediaan kemudahan dokongan seperti makmal kajian dan R&D, serta teknologi maju yang membolehkan penerokaan sumber tenaga dan air bersih yang boleh diperbaharui (*renewable resources*).



MENINGKATKAN PERKEMBANGAN DAN KAPASITI PENGUSAHA TEMPATAN

Memastikan urustadbir dan simpanan buku kira-kira syarikat yang teratur bagi memudahkan pengusaha mendapatkan akses kepada sumber kewangan seperti *Program Good Governance* termasuk bagi menarik kerjasama dari pelabur-pelabur seperti *venture capital*, *contract farming* dan lain-lain, untuk meningkatkan kapasiti serta perkembangan syarikat melalui pertukaran pengalaman, teknologi dan inovasi.



7.3 INISIATIF STRATEGIK

INISIATIF STRATEGIK



MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KEUNTUNGAN PENGUSAHA

Menggalakkan pengusaha dan peladang untuk menggunakan teknologi dan teknik moden bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan hasil ladang serta keuntungan pengusaha.



MENINGKATKAN JUMLAH DAN NILAI EKSPORT

Meningkatkan jumlah dan nilai eksport hasil pertanian, perikanan dan agrimakanan dengan meningkatkan kapasiti dan daya saing perusahaan melalui pematuhan piawaian dan amalan antarabangsa bagi memudahkan akses kepada pasaran eksport.



MENGALAKKAN TADBIR URUS YANG MENYOKONG PERNIAGAAN

Menggalakkan tadbir urus yang menyokong perniagaan dengan mengukuhkan kapasiti *competent authorities* bagi membantu pengusaha dan peladang meningkatkan kapasiti dan fasiliti bagi memenuhi piawaian dan amalan antarabangsa.



MENINGKATKAN AKTIVITI-AKTIVITI PEMROSESAN MAKANAN

Menggalakkan pengusaha-pengusaha yang sedia ada dan baru untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti pemprosesan dengan memanfaatkan rantai nilai sub-rantau dan serantau (*sub-regional and regional value chain*) bagi mendapatkan bahan mentah dengan kos yang lebih rendah dan kos efektif.



7.3 INISIATIF STRATEGIK

INISIATIF STRATEGIK



MENGALAKKAN DAN MENARIK PENGLIBATAN ANAK TEMPATAN DALAM PERUSAHAAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

Menggalakkan dan menarik penglibatan anak tempatan dengan meningkatkan kesedaran dan memberigakan peluang-peluang pekerjaan di dalam industri sama ada yang ditawarkan oleh syarikat ataupun membuka perusahaan sendiri dengan memberikan khidmat dokongan teknikal dan praktikal seperti melalui Program Pendedahan Belia. Ini termasuklah juga usaha bagi meningkatkan penglibatan anak tempatan dalam bidang-bidang professional dan kepakaran yang berkaitan seperti kepakaran sebagai doktor haiwan, jurutera hortikultur, pembiak baka tumbuhan dan sebagainya.




MEMPROMOSI CIRCULAR ECONOMY BAGI MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Menggalakkan pengusaha untuk melaksanakan amalan perladangan dan perusahaan yang mesra alam dengan menggunakan teknologi serta teknik moden seperti menggalakkan kitar semula sisa buangan (*green waste*) dan menukarnya kepada produk nilai tambah seperti penghasilan baja organik dari sisa buangan ternakan; meneroka penggunaan sumber yang diperbaharui (*renewable resources*) seperti tenaga suria, dan sebagainya.



7.3 INISIATIF STRATEGIK

... SECARA AMNYA, INISIATIF STRATEGIK KEMENTERIAN INI MEMFOKUSKAN KEPADA USAHA UNTUK MEMPERKUKUHKAN KESELURUHAN EKOSISTEM RANGKAIAN NILAI INDUSTRI, DENGAN KEUTAMAAN DITUMPUKAN KEPADA PENGUKUHANAN EKOSISTEM RANGKAIAN NILAI INDUSTRI SEKTOR MAKANAN...





SASARAN KELUARAN KASAR SEKTOR MAKANAN (PERTANIAN, PERIKANAN & PEMROSESAN MAKANAN)

FOKUS UTAMA


PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN

2028	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	870
Perikanan	680
Jumlah Keseluruhan	1,550

2026	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	710
Perikanan	410
Jumlah Keseluruhan	1,120

2024	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	630
Perikanan	250
Jumlah Keseluruhan	880

2022 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	575.71
Perikanan	211.21
Jumlah Keseluruhan	786.92



\$0.79 BILLION (2022) KEPADA \$1.65 BILLION (2029)

2029	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	960
Perikanan	690
Jumlah Keseluruhan	1,650

2027	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	780
Perikanan	560
Jumlah Keseluruhan	1,340

2025	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	670
Perikanan	320
Jumlah Keseluruhan	990

2023 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pertanian dan Agrimakanan	554.51
Perikanan	166.57
Jumlah Keseluruhan	721.08



SASARAN KELUARAN KASAR INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

FOKUS UTAMA

PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN

\$0.58 BILLION (2022) KEPADA \$0.96 BILLION (2029)

2028	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	451
Tanaman	130
Agrimakanan	289
Jumlah Keseluruhan	870

2026	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	407
Tanaman	100
Agrimakanan	203
Jumlah Keseluruhan	710

2024	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	375
Tanaman	75
Agrimakanan	180
Jumlah Keseluruhan	630

2022 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	348.51
Tanaman	58.28
Agrimakanan	168.92
Jumlah Keseluruhan	575.71



2029	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	472
Tanaman	144
Agrimakanan	344
Jumlah Keseluruhan	960

2027	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	429
Tanaman	109
Agrimakanan	242
Jumlah Keseluruhan	780

2025	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	393
Tanaman	86
Agrimakanan	191
Jumlah Keseluruhan	670



2023 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Ternakan	316.07
Tanaman	68.26
Agrimakanan	170.18
Jumlah Keseluruhan	554.51





SASARAN KELUARAN KASAR INDUSTRI PERIKANAN

FOKUS UTAMA

PERTUMBUHAN DAN PENINGKATAN KELUARAN SEKTOR MAKANAN

\$0.21 BILLION (2022) KEPADA \$0.69 BILLION (2029)

2028	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	139
Akuakultur	222
Pemrosesan Ikan	319
Jumlah Keseluruhan	680

2026	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	139
Akuakultur	82
Pemrosesan Ikan	189
Jumlah Keseluruhan	410

2024	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	128
Akuakultur	48
Pemrosesan Ikan	74
Jumlah Keseluruhan	250


2022 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	118.12
Akuakultur	48.12
Pemrosesan Ikan	45.97
Jumlah Keseluruhan	211.21

2029	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	139
Akuakultur	171
Pemrosesan Ikan	380
Jumlah Keseluruhan	690

2027	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	139
Akuakultur	196
Pemrosesan Ikan	225
Jumlah Keseluruhan	560

2025	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	133
Akuakultur	56
Pemrosesan Ikan	131
Jumlah Keseluruhan	320

2023 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Penangkapan Ikan	128.30
Akuakultur	16.74
Pemrosesan Ikan	21.52
Jumlah Keseluruhan	166.57





SASARAN KELUARAN KASAR SEKTOR PERHUTANAN

FOKUS UTAMA

PEMBANGUNAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER HUTAN


2029	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	48
Hiliran dan Nilai Tambah	13
Industri Perhutanan	61

2028	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	44
Hiliran dan Nilai Tambah	12
Industri Perhutanan	56

2026	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	36
Hiliran dan Nilai Tambah	10
Industri Perhutanan	46

2024	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	34
Hiliran dan Nilai Tambah	9
Industri Perhutanan	43

2022 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	26.81
Hiliran dan Nilai Tambah	9.84
Industri Perhutanan	36.65



\$37 JUTA (2022) KEPADA \$61 JUTA (2029)

Potensi pendapatan Kerajaan **sekurang – kurangnya B\$1 Bil** melalui *carbon trading*



2027	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	40
Hiliran dan Nilai Tambah	11
Industri Perhutanan	51

2025	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	35
Hiliran dan Nilai Tambah	9
Industri Perhutanan	44

2023 (Data Sebenar)	Nilai Keluaran (B\$ Juta)
Pemrosesan Primer	30.14
Hiliran dan Nilai Tambah	10.83
Industri Perhutanan	40.97

MENEROKA PELUANG MELALUI

CARBON TRADING






7.4 SASARAN SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA 2023-2028

UNJURAN PEKERJAAN DI BAWAH SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

RAJAH 16: JUMLAH PEKERJAAN BAGI INDUSTRI SUMBER-SUMBER UTAMA DIUNJURKAN MENINGKAT PADA KADAR 10.4% SETAHUN, IAITU MENCAPAI 20,086 PEKERJAAN MENJELANG TAHUN 2028




8. SEKTOR PELANCONGAN



8.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR PELANCONGAN

8.1.1 (A) JUMLAH KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA (2016 – 2023)

RAJAH 17: TREN KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA (SEBELUM COVID-19 [2016-2019]) MENUNJUKKAN PENINGKATAN POSITIF SEKITAR **15% SETAHUN** DARI **218,809 PELANCONG (2016)** KEPADA **333,244 PELANCONG (2019)**. WALAUBAGAIMANAPUN, JUMLAH PELANCONG MENURUN SECARA DRASTIK AKIBAT PENULARAN COVID-19 PADA TAHUN 2020, SEKITAR **90% IAITU DARI 333,244 PELANCONG (2019)** KEPADA **3,543 PELANCONG (2021)**. DAN SETERUSNYA SERAMAI **133,630 PELANCONG** PADA TAHUN 2023. TREN YANG SAMA JUGA DILIHAT PADA JUMLAH PENDAPATAN PELANCONGAN [2016-2023].



Dengan penularan COVID-19 di Negara ini mula terkawal dan peralihan kepada Fasa Endemik, serta langkah-langkah pengawalan dan dengan sekatan perjalanan mula dilonggarkan, jumlah ketibaan pelancongan kembali menunjukkan tren peningkatan yang positif.

Secara amnya, jumlah ketibaan pelancong melalui udara pada tahun lepas meningkat dari **35,701 orang** (2022) kepada **133,630 orang** (2023), iaitu peningkatan sekitar **274%**.


Ketibaan Pelancong (orang)	218,809	258,955	278,136	333,244	62,325	3,543	35,701	133,630
Pendapatan Pelancongan (B\$ Juta)	\$69.80	\$82.61	\$93.97	\$113.07	\$20.75	\$1.29	\$19.50	\$74.83



8.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR PELANCONGAN

8.1.1 (B) PURATA KADAR PENGINAPAN DAN TEMPOH PENGINAPAN (2016 – 2023)

RAJAH 18: PURATA KADAR PENGINAPAN BAGI PERHOTELAN MENURUN SEKITAR 3.6% SETAHUN IAITU DARI 38.7% (2016) KEPADA 31.1% (2023). MANAKALA, BAGI PURATA TEMPOH PENGINAPAN, IANYA MENINGKAT SEKITAR 16.1% DARI SEKITAR 2.2 HARI KEPADA SEKITAR 5.4 HARI.



Nota:

¹ Berdasarkan ketibaan udara dan pelancong yang menginap di hotel sahaja (Tujuan keseluruhan lawatan)

- ² 2017 – Berdasarkan 24 penginapan sahaja
- 2018 – Berdasarkan 29 penginapan sahaja
- 2019 – Berdasarkan 27 penginapan sahaja
- 2020 – Berdasarkan 27 penginapan sahaja
- 2021 – Berdasarkan 27 penginapan sahaja
- 2022 – Berdasarkan 47 penginapan sahaja
- 2023 – Berdasarkan 50 penginapan sahaja


Prestasi (PKP)	2022	2023	Pertumbuhan (T-K-T)
50 Penginapan sahaja (serupa)	32.5%	31.1%	-4.5%
5 Pangapuri & Hotel Teratas (Top 5)	66.7%	68.1%	2.1%



8.1 PRESTASI SEMASA SEKTOR PELANCONGAN

8.1.1 (C) JUMLAH PEKERJAAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN (2016 – 2023)

RAJAH 19: JUMLAH PEKERJAAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN MENURUN PADA KADAR 0.14% SETAHUN, DARI 2,953 PEKERJAAN (2016) KEPADA 2,925 PEKERJAAN (2023).





8.2 ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN



JENIS DAN KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN YANG TERHAD

Produk-produk pelancongan yang sedia ada pada masa ini, dari segi kreativiti dan kepelbagaian, masih terhad dan perlu ditingkatkan untuk meningkatkan daya tarikan Negara sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik.



KUALITI PERKHIDMATAN SERTA HOSPITALITI PELANCONGAN YANG RENDAH

Kualiti perkhidmatan pelancong yang sedia ada masih memerlukan penambahbaikan, dari aspek layanan kepada tetamu seperti sifat ramah, mesra dan sebagainya, dan kualiti perkhidmatan yang disediakan hendaklah mudah dan cepat dengan menggunakan perkembangan teknologi digital masa kini, misalnya melalui penyediaan perkhidmatan e-visa, cashless payment, e-booking, dan sebagainya.



PRASARANA SERTA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN YANG KURANG MANTAP

Prasarana serta kemudahan infrastruktur pelancongan masih di tahap yang kurang memuaskan, termasuk sistem perkhidmatan pengangkutan bagi kemudahan pelancong. Sebagai contoh, maklumat dan sistem jadual perjalanan bas, *routing* dan sebagainya, masih tidak memuaskan. Disamping itu, penggunaan teknologi digital bagi mengakses maklumat perjalanan juga adalah terhad dan masih menggunakan cara konvensional.



PERSAINGAN DENGAN NEGARA JIRAN YANG SEKIAN LAMA SUDAH MEMPUNYAI INDUSTRI PELANCONGAN YANG MANTAP

Kebanyakan negara jiran di rantau ini seperti Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura, sudah sekian lama dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai industri pelancongan yang mantap dengan kelebihan dari aspek prasarana serta daya tarikan serta keunikannya yang tersendiri. Usaha untuk memajukan industri pelancongan di Negara ini bertambah mencabar yang mana sentiasa memerlukan perancangan yang teliti, pemikiran inovatif dan strategik.



8.2 ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN



**PROMOSI DAN PEMASARAN
PRODUK PELANCONGAN YANG
LEMAH DAN KURANG
BERKESAN**

Aktiviti-aktiviti promosi bagi memperkenalkan dan memasarkan produk-produk / pakej-pakej pelancongan yang terdapat di Negara ini kepada pasaran tempatan dan antarabangsa masih kurang berkesan, lemah dan memerlukan perancangan yang strategik, inovatif dan kreatif dengan memanfaatkan perkembangan teknologi digital masakini serta melalui pendekatan yang holistik melibatkan kerjasama dari sektor swasta dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan.



**KEKURANGAN TENAGA
PROFESSIONAL DAN MAHIR
DALAM BIDANG BERKAITAN
INDUSTRI PELANCONGAN**

Tenaga professional dan mahir yang dapat mendokong usaha dalam meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan berkaitan industri pelancongan di Negara ini masih lagi terhad, sebagai contoh kekurangan pemandu pelancong yang fasih dan mahir berbahasa asing (Jepun, Korea, dsb); pakar dalam bidang pembangunan produk, promosi dan pemasaran, dsb.



**PROSES PEMULIHAN YANG
PERLAHAN BAGI MERANGSANG
SEMULA PERTUMBUHAN
INDUSTRI PELANCONGAN DARI
IMPAK COVID 19**

Proses pemulihan bagi merangsang semula pertumbuhan industri pelancongan agar ianya kembali kepada keadaan sebelum COVID-19 adalah perlahan dan penuh mencabar, terutama untuk mengembalikan keyakinan pelancong asing untuk berkunjung ke NBD.



8.3 INISIATIF STRATEGIK



Meningkatkan usaha bagi menambah dan mempelbagaikan produk-produk pelancongan dengan mengenalpasti dan mengukuhkan aktiviti-aktiviti serta destinasi pelancongan yang baru dan sedia ada berteraskan kebudayaan, pengembaraan dan alamsekitar.

Menfaatkan perkembangan teknologi digital masa kini bagi mengukuhkan produk dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancong yang disediakan agar ianya lebih mesra-pelancong. Misalnya melalui penyediaan perkhidmatan e-visa bagi memudahcara perjalanan; *cashless payment* dalam urusan transaksi kewangan; *e-booking* dalam membuat tempahan penginapan, pengangkutan, pengembaraan dan sebagainya. Ini termasuklah juga untuk tujuan promosi dan pemasaran.

Mengukuhkan dan meningkatkan jalinan kerjasama serta komunikasi dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri pelancongan, termasuk melalui kaedah PPP, misalnya dengan pihak syarikat penerbangan, syarikat pengangkutan, syarikat agensi pelancongan dan lain-lain yang berkaitan (MTIC, MOHA, dsb) dalam sama-sama menangani isu-isu secara bersepadu dan holistik bagi menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan di Negara ini.

Menggiatkan dan meningkatkan usaha bagi mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan selamat, dengan mengukuhkan kerjasama serta penglibatan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran seperti promosi melalui rangkaian media sosial dan *online connection*; applikasi telefon bimbit, pengiklanan digital, dan sebagainya.



8.3 INISIATIF STRATEGIK

INISIATIF STRATEGIK



MEMPROMOSI DAN MENGUKUHKAN PELANCONGAN DOMESTIK MELALUI TARIKAN BERASASKAN KEPADA KEUNIKAN MAKANAN, PRODUK DAN AKTIVITI YANG TERDAPAT DI KAWASAN SETEMPAT

Mengenalpasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru yang kreatif dan inovatif bagi mengukuhkan pelancongan domestik dengan menetengahkan keunikan makanan tradisi, budaya serta aktiviti-aktiviti di kawasan setempat sebagai daya tarikan.



MENINGKATKAN KAPASITI DAN KOMPETENSI TENAGA KERJA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PELANCONG

Mengenalpasti dan melaksanakan program-program latihan, kursus dan sebagainya bagi meningkatkan kapasiti serta kompetensi tenaga kerja dalam industri pelancongan seperti pemandu pelancong, pengurus perhotelan dan lain-lain penyedia perkhidmatan pelancong, agar kualiti perkhidmatan pelancong sentiasa berada di tahap yang cemerlang.



MENAIKTARAF TAHAP KEMUDAHAN DAN KAWALSELIA PELANCONGAN DARI ASPEK KEBERSIHAN, KESELAMATAN DAN KESELESAAN KEPADA PELANCONG

Menyediakan kemudahan serta prasaranan pelancongan yang lebih baik dari aspek kualiti penyediaan perkhidmatan, kebersihan dan keselamatan misalnya seperti kemudahan pengangkutan, penginapan, tandas, perkhidmatan pemandu pelancong dan lain-lain, bagi memastikan keselesaan pelancong semasa berada di negara ini adalah terjamin. Ini termasuklah juga memperkukuhkan perundangan, peraturan, piawaian dan pengawalseliaan.



SASARAN JUMLAH KETIBAAN PELANCONG MELALUI UDARA DAN PENDAPATAN PELANCONG

FOKUS UTAMA

MENDOKONG PEMAJUAN INDUSTRI PELANCONG

2029	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	552,755
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	445

2028	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	508,000
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	391

2026	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	429,185
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	300

2024	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	362,565
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	228

2022 (Data Sebenar)	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	35,701
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	19.50




**35,701 PELANCONG (2022)
KEPADA 552,755 PELANCONG
(2029) DENGAN PENDAPATAN
PELANCONGAN \$445 JUTA (2029)**

2027	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	466,955
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	339

2025	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	394,475
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	276

2023 (Data Sebenar)	PELANCONGAN
Ketibaan Pelancong (Orang)	133,630
Pendapatan Pelancong (B\$ Juta)	74.83






8.4 SASARAN SEKTOR PELANCONGAN 2023-2028

UNJURAN PEKERJAAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN

RAJAH 21: JUMLAH PEKERJAAN BAGI INDUSTRI PELANCONGAN DIUNJURKAN MENINGKAT PADA KADAR 0.10% SETAHUN, DARI 2,925 PEKERJAAN (2023) KEPADA 2,940 PEKERJAAN (2028)






9. STRUKTUR ORGANISASI

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

JUMLAH TENAGA KERJA KSSUP 2022 = 1,580 Org

- KSSUP = 140 Org
- J.PERTANIAN = 856 Org
- J.PERIKANAN = 232 Org
- J.PERHUTANAN = 303 Org
- J.PELANCONGAN = 49 Org



TERIMA KASIH

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Brunei Darussalam
Tel: +673 2382822**

Email: policy.planning@mprt.gov.bn

Website: www.mprt.gov.bn